

Banyak kerja kosong di laut



PELAJAR Akademi Laut Malaysia (Alam), Mohd. Amirrul Faliq (kanan) dan Kelvin Dennis tertarik dengan replika kapal dagang yang dipamerkan pada pameran Hari Maritim Sedunia di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Industri maritim negara memerlukan kira-kira 20,000 lagi pelaut meliputi pelbagai jawatan di kalangan anak-anak tempatan bagi menampung kekurangan pelaut berpengalaman, berkualiti dan kompeten.

Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Datuk Ahmad Othman berkata, berdasarkan statistik, negara ketika ini hanya mempunyai kira-kira 30,000 pelaut tempatan dan kita memerlukan sekurang-kurangnya 50,000 orang.

"Kekurangan ini perlu diatasi bagi mengelak pergantungan terus industri maritim negara kepada pelaut warga asing.

"Kita perlu terus berusaha untuk membangunkan kerjaya pelaut di kalangan anak tempatan," katanya selepas majlis perasmian Hari Maritim Se-

dunia peringkat kebangsaan 2008 di PWTC semalam.

Sambutan yang bertemakan 60 tahun dalam perkhidmatan perkapalan itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan, Kementerian Pengangkutan, Datuk Long See Wool yang mewakili menteri.

Mengenai kekurangan yang dihadapi itu, Ahmad memberitahu, ia disebabkan kurang pendedahan dan pengetahuan serta minat mengenai kerjaya dalam industri maritim di kalangan generasi muda.

"Selain itu, faktor tawaran yang lumayan daripada syarikat perkapalan luar turut menjadi faktor mengapa pelaut tempatan bekerja dengan syarikat luar kerana sijil yang diperolehi daripada Jabatan Laut diiktiraf di seluruh dunia," katanya.